



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBANGUNAN PERISIAN PEMBELAJARAN MULTIMEDIA INTERAKTIF FARDHU AIN IBADAH PENDIDIKAN KHAS (MiFiPK) BERMASALAH PEMBELAJARAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NOR ADAWIYAH BINTI KHOSIN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PEMBANGUNAN PERISIAN PEMBELAJARAN MULTIMEDIA INTERAKTIF
FARDHU AIN IBADAH PENDIDIKAN KHAS (MiFiPK)
BERMASALAH PEMBELAJARAN**

NOR ADAWIYAH BINTI KHOSIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN KHAS)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپريسي لى پنديدان سلطان ادرس
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY


Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH


PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada(hari bulan)..... (bulan) 20.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, NOR ADAWIYAH BINTI KHOSIN (M 2014 2001983 / PPM) (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PEMBANGUNAN PERISIAN PEMBELAJARAN MULTIMEDIA INTERAKTIF FARDHU AIN IBADAH PENDIDIKAN KHAS (MIFIPK) BERMASALAH PEMBELAJARAN

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sekejelasnya dan secukupnya



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, ABDUL RAHIM BIN RAZALLI (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PEMBANGUNAN PERISIAN PEMBELAJARAN MULTIMEDIA INTERAKTIF FARDHU AIN IBADAH PENDIDIKAN KHAS (MIFIPK) BERMASALAH PEMBELAJARAN

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah _____ (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

4-10-2019

Tarikh

Prof. Madya Dr. Abdul Rahim Razalli

Dekran
Tandatangan Penyelia
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: **PEMBANGUNAN PERISIAN PEMBELAJARAN MULTIMEDIA
INTERAKTIF FARDHU AIN IBADAH PENDIDIKAN KHAS
(MIFIPK) BERMASALAH PEMBELAJARAN**

No. Matrik /Matric No.: **M20142001983**

Saya / I: **NOR ADAWIYAH BINTI KHOSIN**

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) from the categories below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: **4-10-2019**

Prof. Madya Dr. Abdul Rahim Razali

(Tandatangan Bersempul / Signature of Supervisor
& Nama & Cmp. Rasmii / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Saya bersyukur ke hadrat Allah (S.W.T) kerana dengan izin, petunjuk, dan hidayah-Nya dapat saya menyempurnakan kajian ini walaupun pelbagai rintangan yang menghalang. Namun begitu, halangan tersebut tidak mematahkan semangat saya, malah memberikan saya motivasi serta mematangkan saya dalam hal penyelidikan. Di kesempatan ini juga, saya ingin menyatakan penghargaan dan menyampaikan ucapan terima kasih kepada individu dan pihak tertentu atas sokongan dan sumbangan ikhlas yang telah dihulurkan sepanjang menjalankan penyelidikan ini.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atas kesudian menaja pengajian saya sepenuhnya di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Hadiah tajaan yang diberikan telah menyuntik semangat saya untuk menghasilkan kajian yang bermutu selaras dengan dasar kerajaan terhadap pendidikan khas. Di samping itu, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Abdul Rahim Bin Razali yang tidak jemu-jemu membimbing serta memberi dorongan dari awal hinggalah Disertasi ini selesai. Seterusnya, saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Dekan Institut Pengajian Siswazah (IPS) serta kakitangan IPS, serta barisan pensyarah Pendidikan Khas yang banyak memberi dorongan dan ilmu yang bermanfaat dalam proses menyiapkan Disertasi ini.

Selain itu, saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, Pejabat Pendidikan Daerah Seberang Perai Tengah, dan warga guru Pendidikan Khas Seberang Perai Tengah kerana tidak jemu-jemu memberikan kerjasama dalam menyiapkan tugas kajian.

Akhir sekali, buat arwah suamiku Mohd Nasruddin Bin Abdul Aziz (al-Fatihah), terima kasih kerana tidak putus-putus mendoakan kejayaan saya hingga akhir hayat. Dorongan dari segi moral dan kewangan telah berjaya membawa saya ke tahap ini. Tidak lupa juga buat suami yang baru saya nikahi Jaminkhiri Bin Chek Embi yang menyuntik kembali semangat saya meneruskan pengajian yang hampir putus ditengah jalan. Seterusnya anakanda Muhammad Muaz Bin Mohd. Nasruddin serta keluarga yang dikasihi, saya menyanjung tinggi segala inspirasi, sokongan, pengorbanan dan doa yang dipohon. segala kepayahan dan keperitan yang dialami sepanjang tempoh pengajian tersebut semuanya kini sudah dilalui dengan penuh keazaman dan ketekunan, Alhamdulillah.





ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah membangunkan sebuah perisian pembelajaran Multimedia Interaktif Fardhu Ain Ibadah untuk murid-murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (MiFiPK). Reka bentuk kajian adalah pembangunan perisian menggunakan model ADDIE iaitu analisis keperluan, rekabentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian. Berpandukan model ADDIE, beberapa fasa dilalui iaitu fasa analisis keperluan (pemilihan tajuk dan konten), fasa rekabentuk (penulisan papan cerita), fasa pembangunan (pengarangan perisian HTML [Hypertext Markup Language], fasa pelaksanaan (semakan bahan, teknikal dan antara muka), fasa penilaian (penilaian oleh tiga orang pakar). Selain itu, pengkaji turut menggunakan teori kognitif multimedia Mayer, teori konstruktif dan gaya pembelajaran VAK (visual, audio dan kenestatik) iaitu dengan memasukkan elemen-elemen penting daripada teori-teori tersebut semasa proses pembangunan perisian ini. Instrumen kajian adalah satu set soal selidik. Dalam fasa analisis keperluan, pemilihan tajuk dan elemen kandungan perisian adalah berdasarkan dapatan daripada soal selidik yang dijawab oleh 32 orang guru yang mengajar matapelajaran pendidikan Islam Pendidikan Khas di Pulau Pinang. Untuk menentukan kesahan perisian, tiga orang pakar dipilih untuk setiap domain yang dikaji (reka bentuk, multimedia interaktif dan teknikal). Data soal selidik menunjukkan guru sangat bersetuju ($M=4.73$, $SP=0.34$) bahawa tajuk bersuci adalah penting untuk dimasukkan dalam perisian, diikuti oleh solat ($M=4.10$, $SP=0.52$), dan puasa ($M=3.69$, $SP=0.68$). Pengkaji juga menggunakan indeks Cohen Kappa untuk menilai tahap persetujuan pakar bagi kesahan kandungan dan kesahan perisian. Nilai min koefisien Cohen Kappa (K) bagi konstruk kesahan kandungan perisian MiFiPK adalah 0.92 (sangat baik) dan konstruk aplikasi teori ialah 0.84 yang diperoleh daripada tiga orang pakar kandungan. Sementara itu, nilai min koefisien (K) bagi tiga konstruk yang dipersetujui oleh tiga orang pakar perisian untuk bahagian rekabentuk persembahan ialah 0.91 (sangat baik), Multimedia Interaktif ialah 0.82 (sangat baik) dan min koefisien bagi bahagian teknikal adalah 0.83 (sangat baik). Kesimpulannya, dapatan utama kajian menunjukkan bahawa perisian MiFiPK mempunyai kesahan kandungan dan teknikal yang tinggi. Justeru, ia sesuai digunapakai kepada murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran. Implikasi daripada penghasilan produk multimedia ini adalah ia dijangka dapat membantu pelajar pendidikan khas masalah pembelajaran dalam meningkatkan kefahaman serta amalan mereka dalam bidang toharah, solat dan puasa. Perisian ini juga mungkin berguna kepada pelajar pendidikan khas yang lain seperti masalah pendengaran dan autisme.





THE DEVELOPMENT OF A MULTIMEDIA INTERACTIVE SOFTWARE IN TEACHING FARDHU AIN FOR STUDENTS WITH LEARNING DISABILITIES

ABSTRACT

The aim of this study was to develop an interactive multimedia learning software Fardhu Ain Worship for Special Education students with Learning Disabilities (MiFiPK). The study design is a software development using ADDIE model of requirements analysis, design, development, implementation and evaluation. Guided by the ADDIE model, several phases through which the phase of needs analysis (the title and content), design phase (writing storyboards), stage of development (authoring software HTML [Hypertext Markup Language], the implementation phase (revised material, technical and interface), evaluation phase (evaluation by three experts). The researchers also used the cognitive theory of multimedia Mayer, theory and constructive learning styles VAK (visual, audio and kinesthetic) by inserting the key elements of these theories during the software development process. The instrument was a questionnaire. The phase of needs analysis, selection of topics and content elements of the software is based on the findings of a questionnaire answered by 32 teachers who teach the subject of Islamic education Special Education in Penang. To determine the validity of the software, three experts selected for each domain studied (design, multimedia interactive and technical). Data survey shows teachers strongly agreed ($M = 4.73$, $SD = 0.34$) that the title of purification is important to be included in the software, followed by prayer ($M = 4.10$, $SD = 0.52$) and fasting ($M = 3.69$, $SD = 0.68$). Researchers are also using Cohen's Kappa index to assess the level of agreement specialist for content validity and legality of the software. The mean value of Cohen's Kappa coefficient (K) for the construct validity of the software content MiFiPK is 0.92 (very good) and construct applications is 0.84 theories derived from three content experts. Meanwhile, the mean coefficient (K) of three constructs may be agreed by the three specialist software for the design of the show is 0.91 (very good), Interactive Multimedia is 0.82 (very good) and the mean coefficient for the technical side is 0.83 (very good). In conclusion, the key findings of the study indicate that the software MiFiPK validity and high technical content. Therefore, it is appropriate to apply the Special Education students with Learning Disabilities. The implication of this production of multimedia products is expected to help special education students with learning difficulties in improving their understanding and practices in the field of toharah, prayer and fasting. The software may also be useful to other special education students such as hearing loss and autism.



SENARAI KANDUNGAN

	Muka surat
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xxi
SENARAI LAMPIRAN	xxiii

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar belakang kajian	1
	1.2.1 Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran	2
	1.2.2 Tuntutan beribadah kepada golongan Berkeperluan Khas	5
	1.2.3 Tuntutan penyelidikan dalam Islam	10
1.3	Penyataan Masalah	14
1.4	Tujuan Kajian	23
1.5	Objektif Kajian	23
1.6	Persoalan Kajian	24
1.7	Kerangka Konseptual Kajian	24
1.8	Kepentingan Kajian	28
1.9	Batasan Kajian	30
1.10	Definasi Operasional	30
	1.10.1 Pembangunan	31
	1.10.2 Perisian	31
	1.10.3 Multimedia Interaktif	31
	1.10.4 Farhu Ain	32
	1.10.5 Ibadah	33
	1.10.6 Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)	34
	1.10.7 Bermasalah Pembelajaran	35
1.11	Rumusan	36
BAB 2	SOROTAN LITERATUR	37
2.1	Pendahuluan	37
2.2	Model rekabentuk instruksional ADDIE	37

2.3	Teori pembelajaran	39
2.3.1	Teori pembelajaran kognitif multimedia Mayer	40
2.3.2	Teori pembelajaran Konstruktivisme	43
2.3.3	Gaya pengajaran VAK	44
2.3.3.1	Pembelajaran secara visual	45
2.3.3.2	Pembelajaran secara audio	45
2.3.3.3	Pembelajaran secara kinestatik	46
2.4	Pedoman Rasulullah dalam pengkaedahan pengajaran	47
	kepada MBK	
2.5	Pelajar bermasalah pembelajaran slow learner	56
2.5.1	Pengertian slow learner	56
2.5.2	Ciri-ciri pelajar slow learner	57
2.5.2.1	Aspek akademik	57
2.5.2.2	Aspek sendiri	58
2.5.2.3	Aspek sosio-emosi	58
2.6	ICT dalam Pendidikan Islam	61
2.7	Aplikasi dan kesan multimedia nnteraktif dalam pdp	66
2.8	Aplikasi dan kesan multimedia interaktif dalam pdp	71
	murid Pendidikan Khas	
2.9	Rumusan	73

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	75
3.2	Metodologi kajian	75
3.3	Instrumen kajian	77
3.3.1	Soal selidik tajuk dan elemen kandungan MiFiPK	77
	kepada GMPIPK	
3.3.2	Soal selidik pengesanan pakar kandungan	80
3.3.3	Soal selidik pengesanan pakar perisian	81
3.4	Sampel kajian	81
3.5	Tatacara pengumpulan data	83
3.6	Kesahan	84
3.7	Analisis data	86
3.8	Metodologi pembangunan Perisian MiFiPK	87
3.8.1	Fasa analisis	88
3.8.1.1	Mengenalpasti kandungan perisian	88
3.8.1.2	Mengenalpasti latar belakang murid	89
3.8.1.3	Mengenalpasti penggunaan teknologi	89
3.8.1.4	Pengumpulan bahan	91
3.8.2	Fasa rekabentuk	91
3.8.2.1	Merekabentuk carta alir	92
3.8.2.2	Penulisan papan cerita	93
3.8.2.3	Prototaip MiFiPK	94
3.8.2.4	Prototaip skrin pembukaan MiFiPK	94
3.8.2.5	Prototaip skrin menu utama MiFiPK	95
3.8.2.6	Prototaip skrin subtopik MiFiPK	95
	(Toharah)	

3.8.2.7	Prototaip skrin subtopik MiFiPK (Najis)	96
3.8.2.8	Prototaip skrin subtopik MiFiPK (Istinjak)	96
3.8.2.9	Prototaip skrin subtopik MiFiPK (Mandi wajib)	97
3.8.3	Fasa pembangunan	97
3.8.3.1	Pembangunan perisian MiFiPK	98
3.8.4	Fasa pelaksanaan	103
3.8c .5	Fasa penilaian	104
3.9	Rumusan	104
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	106
4.1	Pendahuluan	106
4.2	Analisis data pemilihan kandungan MiFiPK	106
4.3	Analisis pembangunan perisian MiFiPK	115
4.3.1	Perkomputeran	115
4.3.1.1	Pelantar	116
4.3.1.2	Spesifikasi perisian sokongan	116
4.3.1.3	Pelantar spesifikasi peralatan komputer	116
4.3.2	Antaramuka pengguna	117
4.3.2.1	Bahasa Perantara	117
4.3.2.2	Reka bentuk Skrin	118
4.3.2.3	Interaktif	118
4.3.3	Rekabentuk struktur organisasi kandungan MiFiPK	120
4.3.4	Rekabentuk skrin templat perisian MiFiPK	120
4.3.4.1	Skrin pembukaan perisian MiFiPK	121
4.3.4.2	Skrin menu utama perisian MiFiPK	122
4.3.4.3	Skrin menu subtopik toharah	123
4.3.4.4	Skrin menu subtopik najis	130
4.3.4.5	Skrin menu subtopik istinjak	146
4.3.4.6	Skrin menu subtopik mandi wajib	157
4.4	Kesahan perisian	166
4.4.1	Analisis kesahan kandungan	167
4.4.2	Analisis kesahan perisian	169
4.5	Rumusan	171
BAB 5	PERBINCANGAN, CADANGAN, IMPLIKASI DAN	172
	KESIMPULAN	
5.1	Pendahuluan	172
5.2	Perbincangan	173
5.2.1	Rumusan fasa penentuan isi kandungan MiFiPK	173
i.	Analisis kandungan MiFiPK	174
ii.	Analisis latar belakang murid	174
iii.	Analisis jenis bahan bantu mengajar dan strategi pengajaran dan pembelajaran	174
iv.	Analisis penggunaan teknologi	175
v.	Analisis penilaian kandungan	176
5.2.2	Rumusan fasa pembinaan perisian MiFiPK	176
i.	Toharah	177
ii.	Najis	177
iii.	Istinjak	178
iv.	Mandi wajib	178
5.2.3	Rumusan fasa pengesahan perisian MiFiPK	179

5.3	Kekuatan dan kelemahan perisian	179
5.3.1	Kekuatan perisian	180
i.	Aspek pendidikan	180
ii.	Aspek teknikal	181
5.3.2	Kekurangan perisian	182
i.	Aspek pendidikan	182
ii.	Aspek teknikal	183
5.4	Cadangan	183
i.	Aspek pendidikan	184
ii.	Aspek teknikal	185
5.5	Implikasi kajian	187
5.5.1	Guru	187
5.5.2	Murid	188
5.5.3	Penyelidik-penyelidik yang berminat	189
5.5.4	Ibu bapa MBK	189
5.5.5	Masyarakat	189
5.5.6	Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)	190
5.5	Rumusan	190
	RUJUKAN	192

SENARAI JADUAL



No. Jadual		Muka surat
1.1	Jumlah OKU Mengikut Kategori	14
1.2	Jumlah OKU Mengikut Bangsa/ Keturunan	15
1.3	Jumlah Murid Berkeperluan Khas Di PPKI Sekolah Pendidikan Khas KPM	16
3.1	Tahap Persetujuan Skala Likert lima point	78
3.2	Taburan item bersuci, solat dan puasa	78
3.3	Taburan item bab Ibadah (Bersuci)	79
3.4	Jadual penentuan saiz sampel Krejcie & Morgan (1970)	82
3.5	Skala persetujuan Cohen Kappa	85
4.1	Taburan responden bab ibadah (Bersuci)	107
4.2	Taburan Responden bab ibadah (Solat)	109
4.3	Taburan responden bab ibadah (Puasa)	111
4.4	Taburan item bersuci, solat dan puasa	113
4.5	Taburan item bersuci	114
4.6	Skala darjah persetujuan Cohen Kappa	167
4.7	Nilai persetujuan pakar kandungan bagi koefisien Kappa	168
4.8	Nilai persetujuan pakar perisian bagi koefisien Kappa	169



**No. Rajah****Muka surat**

1.1	Kerangka konseptual kajian	27
2.1	Teori kognitif berasaskan multimedia Mayer (2001)	41
3.1	Carta alir MiFiPK	92
3.2	Contoh rekabentuk antara muka skrin utama.	93
3.3	Contoh rekabentuk antara muka skrin utama.	94
3.4	Prototaip skrin pembukaan perisian MiFiPK	94
3.5	Prototaip skrin menu utama perisian MiFiPK	95
3.6	Prototaip skrin subtopik perisian MiFiPK (Toharah)	95
3.7	Prototaip skrin subtopik perisian MiFiPK (Najis)	96
3.8	Prototaip skrin subtopik perisian MiFiPK (Istinjak)	96
3.9	Prototaip skrin subtopik perisian MiFiPK (Mandi wajib)	97
4.1	Skrin pembukaan perisian MiFiPK	122
4.2	Skrin menu utama perisian MiFiPK	123
4.3	Skrin subtopik toharah	124
4.4	Skrin menu pengertian toharah	125
4.5	Skrin menu pengertian toharah dari segi bahasa	125
4.6	Skrin menu pengertian toharah dari segi istilah	126
4.7	Skrin hukum toharah/ bersuci	127
4.8	Skrin kepentingan toharah	127
4.9	Skrin latihan toharah	128
4.10	Skrin jawapan latihan toharah	129



4.11	Skrin jawapan betul latihan toharah	130
4.12	Skrin menu subtopik najis	131
4.13	Skrin menu najis mukhaffafah	132
4.14	Skrin pengertian najis mukhaffafah	132
4.15	Skrin info contoh najis mukhaffafah	133
4.16	Skrin imej najis mukhaffafah	134
4.17	Skrin info cara menyucikan najis mukhaffafah	134
4.18	Skrin video cara menyucikan najis mukhaffafah	135
4.19	Skrin menu najis mutawassitah	136
4.20	Skrin pengertian najis mutawassitah	136
4.21	Skrin info najis mutawassitah	137
4.22	Skrin imej najis mutawassitah	138
4.23	Skrin info cara menyucikan najis mutawassitah	138
4.24	Skrin video cara menyucikan najis mutawassitah	139
4.25	Skrin menu najis mughallazoh	140
4.26	Skrin pengertian najis mughallazoh	141
4.27	Skrin info contoh najis mughallazoh	142
4.28	Skrin imej najis mughallazoh	142
4.29	Skrin info cara menyucikan najis mughallazoh	143
4.30	Skrin video cara menyucikan najis mughallazoh	144
4.31	Skrin latihan najis	145
4.32	Skrin contoh jawapan betul untuk latihan najis	145
4.33	Skrin contoh jawapan salah untuk latihan najis	146
4.34	Skrin subtopik istinja	147
4.35	Skrin pengertian istinja	148
4.36	Skrin menu hukum istinja	148
4.37	Skrin menu alat-alat untuk beristinja	149
4.38	Skrin menu air mutlak	150
4.39	imej air mutlak	150
4.40	Skrin menu info cara beristinja dengan air mutlak	151
4.41	Skrin beristinja dengan batu	152
4.42	Skrin imej batu	152
4.43	Skrin menu info cara beristinja dengan batu	153
4.44	Skrin imej benda kesat	154
4.45	Skrin info cara beristinja dengan benda kesat	155
4.46	Skrin latihan istinja	156
4.47	Skrin jawapan latihan istinja	156
4.48	Skrin jawapan latihan istinja	157
4.49	Skrin subtopik mandi wajib	158
4.50	Skrin pengertian mandi	159
4.51	Skrin jenis mandi	159
4.52	Skrin menu cara mandi wajib dan video cara mandi wajib	160
4.53	Skrin info cara mandi wajib	161
4.54	Skrin video cara mandi wajib	162
4.55	Skrin latihan mandi wajib	163
4.56	Skrin contoh jawapan betul untuk latihan mandi wajib	163
4.57	Skrin contoh jawapan salah untuk latihan mandi wajib	164
4.58	Skrin semak jawapan betul untuk latihan mandi wajib	165
4.59	Skrin skor markah latihan mandi wajib	165



SENARAI SINGKATAN

ADDIE	Analysis, Design, Development, Implementation dan Evaluation
ADHD	Attention Deficit Hyperactive Disorder
BIM	Bahasa Isyarat Malaysia
DDR	Design and Development Reseach
GCPI	Guru Cemerlang Pendidikan Islam
GPI	Guru Pendidikan Islam
GMPIPK	Guru Mengajar Pendidikan Islam Pendidikan Khas
ICT	Information and Comunication technology
ID	Instruktional Design
IQ	Intellect Question
MiFiPK	Multimedia Interaktif Fardhu Ain Ibadah Pendidikan Khas
MBK	Murid Berkeperluan Khas
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PAFA	Perkara Asas Fardhu Ain
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPC	Pengajaran dan Pemudahcaraan
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
VAK	Visual, Audio dan Kenestetik





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
XV



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

- A Borang soal selidik tajuk dan elemen perisian
- B Borang soal selidik kesahan pakar kandungan perisian
- C Borang soal selidik kesahan pakar perisian
- D Kebenaran penyelidikan daripada JPN Pulau Pinang
- E Kelulusan penyelidikan daripada EPRD
- F Pengesahan pelajar
- G Surat lantikan pakar



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan



Bab ini membincangkan aspek-aspek yang berkaitan dengan kajian yang akan dijalankan. Perkara-perkara yang akan dibincangkan ialah latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka konseptual kajian, batasan kajian, definisi operasi dan rumusan.

1.2 Latar belakang kajian

Pendidikan merupakan salah satu aspek terpenting dalam membina sebuah masyarakat yang berilmu serta berpengetahuan bagi memajukan diri sendiri dan juga negara. Oleh yang demikian semua golongan wajib diberi pendidikan termasuklah kanak-kanak istimewa sebagai hak kesamarataan dalam hak pendidikan. Mata pelajaran Pendidikan Islam adalah salah satu mata pelajaran yang wajib diajar di





sekolah bagi Murid Berkeperluan Khas yang mengalami pelbagai ketidakupayaan iaitu murid-murid istimewa beragama Islam supaya dapat memajukan diri sebagai individu muslim. Namun masih terdapat segelintir masyarakat yang tidak mengetahui secara jelas tentang hak dan undang-undang bagi golongan ini dalam pendidikan terutamanya dalam mata pelajaran Pendidikan Islam (Izuli Dzulkifli, 2016).

1.2.1 Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran

Pendidikan khas di Malaysia bermula berdasarkan kegiatan aktiviti yang berteraskan masyarakat pelbagai kaum dan kepercayaan. Kedatangan British telah membawa perubahan terhadap corak pendidikan khas daripada tidak formal kepada formal seawal tahun 1920-an. Semenjak itu, pendidikan khas terus berkembang maju hingga hari ini. Pada peringkat awal, pendidikan khas lebih tertumpu pada murid buta dan pekak. Pendidikan untuk murid yang dikategorikan sebagai “masalah pembelajaran” bermula pada tahun 1988 hasil daripada perkembangan dan pembangunan pendidikan dalam dan luar Negara. Seajar dengan itu, pelbagai kemajuan dari segi tenaga pengajar, peruntukan kewangan, alat bantu mengajar dan kelengkapan lain dipertingkatkan dari semasa ke semasa yang memperlihatkan pendidikan untuk murid pendidikan khas diberi perhatian oleh kerajaan. Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia bertanggungjawab dalam menentukan pengurusan pendidikan khas di seluruh negara. Murid pendidikan khas terdiri daripada murid yang bermasalah dari segi penglihatan, pendengaran dan pembelajaran. Secara spesifik, bahagian ini mengkategorikan murid bermasalah pembelajaran bercirikan sindrom down, autism, gangguan hiperaktif deficit perhatian atau attention deficit hyperactive disorder (ADHD), terencat akal minimum dan masalah dalam pembelajaran spesifik atau slow learner (Jabatan Pendidikan Khas, 2004: 1).





Menurut Izuli Dzulkifli (2016), Pendidikan Khas adalah pendidikan yang disusun dan dirancang untuk kanak-kanak kurang upaya yang mengalami kepelbagaian ketidakupayaan. Kanak-kanak kurang upaya yang mengalami kepelbagaian ketidakupayaan didefinisikan sebagai Murid Berkeperluan Pendidikan Khas menurut Warta Kerajaan Persekutuan melalui Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013. Namun dari sudut pengistilahan, terma Murid Berkeperluan Khas (MBK) diguna pakai bagi menjelaskan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas. Bagi MBK, mereka mendapat pendidikan secara khusus di beberapa buah sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan yang telah ditetapkan oleh Bahagian Pendidikan Khas di Kementerian Pendidikan Malaysia berdasarkan program dan kategori muridnya seperti:

- i. Sekolah Pendidikan Khas bagi bermasalah penglihatan dan pendengaran.
- ii. Sekolah Rancangan Percantuman Pendidikan Khas bagi murid bermasalah penglihatan, pendengaran dan pembelajaran.
- iii. Program Pendidikan Inklusif bagi murid bermasalah penglihatan, pendengaran dan pembelajaran.
- iv. Program Pendidikan Pemulihan bagi murid kelas biasa di sekolah rendah yang telah disaring dan diagnosis sebagai mengalami masalah penguasaan Kemahiran Asas membaca, menulis dan mengira (3M).

Di dalam Warta Kerajaan Persekutuan melalui Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013, mentakrifkan Pendidikan Khas sebagai pendidikan bagi MBPK di suatu sekolah khas, atau di sekolah yang melaksanakan Program Pendidikan Khas Integrasi atau Program Pendidikan Inklusif, pada peringkat:

- (a) pendidikan prasekolah;
- (b) pendidikan rendah;





- (c) pendidikan menengah; atau
- (d) pendidikan lepas menengah.

Program Pendidikan Inklusif ertinya suatu program pendidikan bagi MBPK yang dihadiri oleh MBPK bersama-sama dengan murid lain dalam kelas yang sama di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan. Manakala Program Pendidikan Khas Integrasi ertinya suatu program pendidikan bagi MBK yang hanya dihadiri oleh MBK di kelas khas di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan.

Murid-murid Berkeperluan khas pembelajaran merupakan murid-murid yang telah dikenal pasti dan disahkan oleh pakar professional klinikal sebagai individu yang mempunyai permasalahan yang mengganggu proses pembelajaran. Pemasalahan yang dialami boleh dikategorikan mengikut tahap kefungsiian murid-murid dalam kebolehan fizikal, intelek, emosi dan sosial. Murid-murid ini juga mempunyai keistimewaan yang berbeza dari segi bakat kebolehan dan kemampuan, (Rajesvari Ramasamy, 2017).

Kajian ini hanya memberi fokus kepada kumpulan murid dalam kategori bermasalah pembelajaran (slow learner) yang mempunyai tahap berkefungsiian tinggi di kalangan mereka . Hal ini kerana kategori murid yang lain berkemungkinan mereka terkecuali daripada melakukan ibadah kerana mengalami masalah kognitif yang teruk yang menyebabkan mereka itu dikategorikan tidak berakal atau mukallaf dan tidak dituntut melakukan ibadah.





1.2.2 Tuntutan beribadah kepada golongan Berkeperluan Khas

Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) adalah penting bagi seseorang individu muslim untuk menghubungkannya dengan Allah dan mengawal manusia supaya sentiasa terikat dengan akidahnya. Manusia dan jin itu diciptakan adalah semata-mata untuk beribadat kepada Allah. Firman Allah dalam surah al-Dharyat : 56

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Maksudnya : Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.

Sebagai seorang manusia kita seharusnya berusaha mengabdikan diri kepada Allah dengan melakukan segala perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Selaku seseorang muslim yang beriman seharusnya mendidik diri, keluarga, dan masyarakat supaya dapat memenuhi tuntutan ibadah (Ismail Kamus & Mohd Azrul Azlen, 2009; Azrin Ab. Majid, 2011). Proses pendidikan ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna sekiranya seseorang Muslim itu tidak mempunyai ilmu atau memahami perkara-perkara asas dalam Islam. Oleh itu, ilmu pengetahuan mengenai perkara asas fardhu ain adalah sangat penting kepada semua manusia dalam membentuk diri seseorang menjadi hamba Allah yang bertakwa. Ibadah yang difardhukan oleh Allah SWT dalam Islam bukan sesuatu yang berat sehingga tidak mampu dilakukan oleh manusia. Perkara ini wajib dilaksanakan mengikut kadar kemampuan masing – masing (Ismail Kamus & Mohd Azrul, 2009; Hamdi Ishak, 2010; Azrin, 2011).

Kepentingan PdP Pendidikan Islam dititikberatkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia supaya tiap-tiap murid yang beragama Islam memahami dan





boleh mengamalkan ajaran Islam. Pendidikan Islam adalah mata pelajaran wajib bagi semua pelajar Islam dalam sistem pendidikan kebangsaan di Malaysia, termasuklah pelajar-pelajar berkeperluan khas (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988).

Pendidikan Islam memberi fokus kepada penyampaian ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan kepada Al-Quran dan Sunnah. Melalui ilmu, kemahiran dan amalan yang disarankan bidang Pendidikan Islam dapat menyumbang ke arah melahirkan murid yang beriman, berilmu, berakhlak mulia, bertaqwa dan beramal soleh (Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran Sekolah Rendah & Menengah, Bidang Kerohanian dan Nilai-nilai Murni, 2004).

Menurut kajian Hamdi Ishak (2016), setiap kanak – kanak yang lahir di dunia ini berhak mendapat pendidikan dan pelajaran mengikut kebolehan, bakat dan persediaan yang ada pada diri masing – masing. Sehubungan itu golongan berkeperluan khas terutamanya bagi kategori masalah pembelajaran merupakan makhluk Allah yang juga turut berhak menerima ilmu. Mereka perlu dibimbing dan diajar agar tidak disisih oleh masyarakat dan tidak mudah dimanipulasikan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Setiap umat Islam termasuk golongan berkeperluan khas wajib mempelajari Islam terutamanya perkara asas Fardhu Ain (PAFA) sebagai asas kekuatan dalaman peribadi muslim untuk mengharungi kehidupan yang mendatang (Mohd Huzairi Awang et al., 2019).

Golongan ini yang cukup syaratnya dituntut melaksanakan perintah Allah sama seperti manusia normal yang lain. Hal ini amat jelas dari sudut Fiqh terutama dalam tuntutan ibadah. Perintah Allah hanya tidak akan dikenakan kepada orang yang tidur, orang yang lupa, orang gila dan kanak – kanak. Ini kerana mereka bukan ahli dan tidak



layak menerima beban melaksanakan perintah Allah. Oleh itu setiap orang Islam yang berakal dan baligh wajib menunaikan ibadah – ibadah yang difardhukan, kecuali golongan yang disebut dalam hadith yang diriwayatkan oleh Aishah r . a.:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- قَالَ: «رُفِعَ الْقَلَمُ عَنْ ثَلَاثَةٍ عَنْ الذَّانِمِ حَتَّى يَسْتَنْقِظَ وَعَنِ الْمَجْنُونِ حَتَّى يَفِيقَ وَعَنِ الصَّبِيِّ حَتَّى يَبْلُغَ»

(Ahmad bin Hanbal, Musnad al – Imam Ahmad bin Hanbal, juz. 6, Dar al – Kutub al – Ilmiyyah, Bayrut, 1993M/1413H, hlm. 112.)

Berdasarkan hadith ini, terdapat tiga golongan yang tidak dikenakan taklif. Menurut Sayyid Sabiq, ungkapan (رُفِعَ الْقَلَمُ) dalam hadith di atas merupakan kinayah kepada orang yang tidak dikenakan taklif. Mereka ialah orang yang tidur hinggalah terjaga dari tidur, kanak–kanak hinggalah mereka baligh dan orang gila hinggalah mereka pulih. (Sayyid Sabiq, *Fiqh al – sunnah*, jld. 1, Dar al – Kitab al – Arabi, Bayrut, t.th., hlm. 96.)

Ibadah perlu dilaksanakan mengikut kemampuan masing – masing. Firman Allah SWT dalam surah al – Baqarah, ayat 286:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

Maksudnya: “Allah SWT tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya”.



keupayaan. Seperti orang yang menanggung sakit diberi keringanan (*rukhsah*) oleh Allah SWT untuk menunaikan solat mengikut kadar kemampuan masing – masing. Hal ini berpandukan kepada sebuah hadis Rasulullah S.A.W :

عَنْ عُمَرَ بْنِ حُصَيْنٍ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - قَالَ كَانَتْ بِي بَوَاسِيرُ فَسَأَلْتُ النَّبِيَّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - عَنْ الصَّلَاةِ فَقَالَ « صَلِّ قَائِمًا ، فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَقَاعِدًا ، فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَعَلَى جَنْبٍ »

Daripada ‘Umran bin Husain RA, beliau berkata: “Aku kena buasir, maka aku tanyakan kepada Rasulullah SAW mengenai solat.” Maka baginda bersabda: “solatlah dengan berdiri, sekiranya kamu tidak mampu, maka solatlah dengan duduk dan sekiranya kamu tidak mampu, maka solatlah dengan berbaring”

(al – Bukhari, Kitab Solat al – Qa’id. Jil. 2 hal. 60).



Golongan yang tiada keupayaan melihat (buta) wajib melaksanakan solat secara sempurna seperti orang normal yang lain. Mereka wajib menyempurnakan rukun–rukun solat seperti rukun niat (*qalbi*), rukun bacaan (*qauli*) seperti bacaan al–Fatihah dan rukun perbuatan (*fi’li*) yang melibatkan pergerakan anggota badan seperti rukuk, sujud dan duduk di antara dua sujud. (Ab Aziz Mohd Zin et. al., 2009).

Pelaksanaan ibadah solat bagi orang bisu dan pekak juga sama seperti orang normal dari segi rukun niat dan anggota. Namun mereka diberi keringanan dari segi rukun bacaan kerana mereka tidak boleh bercakap. Bagi orang bisu, dia hanya perlu menggerakkan lidah dan bibir berdasarkan *makhraj huruf* bagi menggantikan lafaz bacaan sekadar kemampuannya seperti membaca al–Fatihah (Hamdi Ishak, 2010). Sekiranya tidak mampu, dia hendaklah meniatkan bacaan al–Fatihah di dalam hati sahaja. Golongan cacat anggota turut diwajibkan bersolat tetapi diberi kelonggaran






bacaan sekadar kemampuannya seperti membaca al-Fatihah (Hamdi Ishak, 2010). Sekiranya tidak mampu, dia hendaklah meniatkan bacaan al-Fatihah di dalam hati sahaja. Golongan cacat anggota turut diwajibkan bersolat tetapi diberi kelonggaran pada rukun perbuatan iaitu mereka boleh melakukan perlakuan solat mengikut keupayaan atau erti kata lain sekadar kemampuan mereka. Cara pelaksanaan solat bagi golongan cacat anggota ialah seperti solat orang yang sakit.

Bagi golongan masalah pembelajaran yang melibatkan kognitif, tuntutan ibadah diletakkan di bahu mereka setelah mereka faham ilmu yang dicurahkan dengan apa cara atau kaedah. Allah berfirman dalam surah an – Nisa' ayat 5 :

وَلَا تُؤْتُوا السُّفَهَاءَ أَمْوَالَكُمُ الَّتِي جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ قِيَمًا وَارْزُقُوهُمْ فِيهَا وَاكْسُوهُمْ وَقُولُوا لَهُمْ قَوْلًا



Maksudnya: Dan janganlah kamu serahkan kepada orang – orang yang belum sempurna akalnya, harta (mereka yang ada dalam kekuasaanmu) yang dijadikan Allah sebagai pokok kehidupan. Berilah mereka belanja dan pakaian (dari hasil harta itu) dan ucapkanlah kepada mereka kata – kata yang baik.

Kefahaman daripada ayat ini menyuruh para auliya atau penjaga golongan as-Sufaha. As-Sufaha atau as-Safih iaitu golongan yang akalnya kurang waras, tidak cekap dan tidak bijak mengurus duit tapi dia berduit, yang mungkin berasal daripada harta warisan. Anak kecil dan insan istimewa juga termasuk dalam kumpulan ini, tak kira mereka yatim atau tidak yatim. Dalam konteks ilmu pula golongan Sufaha wajar diberi pendidikan yang sepatutnya terutama tentang agama Islam oleh ibu bapa atau





bertanggungjawab menjaga orang yang kurang waras. Berpandukan daripada teori dalam Al – Quran, sewajarnya golongan ini diberi perhatian oleh masyarakat Islam lebih awal tetapi orang Barat yang terkehadapan dalam menyediakan penjagaan dan pendidikan yang baik kepada golongan yang istimewa ini. Negara Islam agak terkebelakang walaupun teorinya ada dalam Al–Quran. Hal ini kerana kebanyakan orang memahami bahawa Al – Quran sebagai kitab bacaan bukanlah kitab praktikal. Perkara ini seperti tersasar daripada saranan (Ismail Kamus dan Mohd Azrul Azlen, 2009; Azrin , 2011), iaitu seharusnya seorang muslim yang beriman mesti mendidik diri, keluarga dan masyarakat agar dapat memenuhi dan melaksanakan tuntutan dalam beribadah.

Proses pendidikan ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna sekiranya seseorang Muslim itu tidak mempunyai ilmu atau memahami perkara – perkara asas dalam Islam (Ismail Kamus dan Mohd Azrul Azlen, 2009). Oleh itu, ilmu pengetahuan mengenai perkara asas fardhu ain adalah sangat penting kepada semua manusia dalam membentuk diri seseorang menjadi hamba Allah yang bertakwa.

1.2.3 Tuntutan penyelidikan dalam Islam

Ketamadunan Islam membuktikan bahawa teknologi telah lama wujud dalam peradaban manusia. Contohnya di Baghdad pada tahun 729M telah berkembang industry, kertas dan penggunaan kertas dalam urusan rasmi kerajaan bermula sejak tahun 1040M (Norliza, 2013).

Islam amat menggalakkan kajian untuk memperolehi penemuan-penemuan baru dalam bidang-bidang teknologi dan mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian. Islam juga menggalakkan kita mengembangkan teknologi agar menemui



Islam amat menggalakkan kajian untuk memperolehi penemuan-penemuan baru dalam bidang-bidang teknologi dan mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian. Islam juga menggalakkan kita mengembangkan teknologi agar menemui kebesaran dan keagungan Allah yang tidak dapat ditangani oleh segala makhluk yang ada di langit dan di bumi (Ahmad Fkrudin et. al., 2014).

Hal ini bertepatan dengan firman Allah:

قُلْ أَنْظَرُوا مَاذَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا تُغْنِي الْآيَاتُ وَالنُّذُرُ عَنْ قَوْمٍ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٠١﴾

Maksud: Katakanlah (Wahai Muhammad): "Perhatikan apa yang ada di langit dan di bumi. Dalam pada itu, segala tanda dan bukti dan segala rasul, tidak akan memberi faedah kepada orang-orang yang tidak menaruh kepercayaan kepadaNya".

Kajian Ahmad Fkrudin et al. (2014), menyatakan sesuatu pelajaran itu akan kekal dalam ingatan murid sekiranya penggunaan kaedah dan bahan pengajaran yang berkesan digunakan. Hal ini bertepatan dengan beberapa peristiwa dalam al-Quran seperti pentarbiyahan Allah S.W.T kepada nabi Muhammad S.A.W dalam peristiwa Isra' dan Mikraj yang menggunakan kaedah pandang dengar (audio visual), seperti firman Allah (Surah al-Isra', 17:1):

سُبْحَنَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَارَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ

مِنْ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾



Maksud: *“Maha suci Tuhan yang memperjalankan hamba-Nya pada malam hari dari masjid al-Haram ke Masjid al-Aqsa yang kami berkati sekelilingnya. Supaya Kami perhatikan keterangan-keterangan Kami kepadanya. Sesungguhnya Dia mendengar dan melihat.”*

Kaedah pengajaran yang digunakan dalam peristiwa Israk dan Mikraj boleh diaplikasikan dalam pendidikan masa kini dengan menggunakan kemudahan Information and Communication Technology (ICT). Perkembangan dan penggunaan ICT atau dipanggil “Teknologi Komunikasi dan Maklumat”, khususnya dalam bidang pendidikan, bukan lagi merupakan sesuatu perkara yang asing di Malaysia. Perkembangan ICT menjanjikan potensi besar, terutama dalam pendidikan, iaitu dengan mengubah cara seseorang belajar, cara memperoleh maklumat, cara menyesuaikan setiap maklumat, dan sebagainya (Baharom Mohamad, 2011).



Sejajar dengan perkembangan ICT dalam dunia pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengambil beberapa langkah dalam mengintegrasikan penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di semua peringkat sekolah. Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM), Kementerian akan memastikan murid bukan hanya belajar menggunakan ICT tetapi juga memanfaatkannya secara berkesan bagi meningkatkan pembelajaran mereka. Justeru itu, Kementerian akan melaksanakannya dengan mengukuhkan asas ICT sekolah sambil memperkenalkan penyelesaian ICT yang terbukti baik dalam sistem pendidikan. Antara langkah yang akan diambil ialah: 1) Menyediakan murid dengan kemahiran dan pengetahuan; 2) Melengkapkan kesemua 10,000 sekolah seluruh Negara dengan akses internet 4G dan pelantar pembelajaran maya menerusi program 1Bestari Net, yang boleh digunakan oleh guru untuk menerapkan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran; 4) menambah bilangan





peralatan ICT supaya nisbah murid kepada peralatan ditingkatkan sehingga 10:1, 5) Merintis cara penyampaian pembelajaran yang menggunakan inovasi ICT seperti pembelajaran jarak jauh dan pembelajaran kadar sendiri sebelum disebarkan ke seluruh negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Proses PdP yang berlaku merupakan elemen penting dalam meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Pendidikan khas juga tidak terkecuali dari tempias perkembangan ICT yang mana ia banyak memberi faedah kepada proses PdP yang berlaku di sekolah pendidikan khas.

Kewujudan multimedia interaktif adalah merupakan satu alternatif dalam mempelbagaikan strategi untuk menjadikan proses PdP sebagai sesuatu yang menarik dan menyeronokkan (Ahmad Fkrudin et al., 2014). Hal ini turut diakui oleh Zamri dan Mohamed Amin, (2008); Normaliza (2011) menyatakan kemampuan multimedia dalam menyampaikan sesuatu maklumat dengan cepat dan tepat serta mampu menjadi daya tarikan bagi mewujudkan suasana pembelajaran menyeronokkan tidak dapat disangkal lagi.

Menurut Ab. Halim dan Nik Mohd Rahimi (2010), penggunaan alat bantu mengajar yang sesuai dengan tahap kognitif pelajar dapat memudahkan pembelajaran sendiri berdasarkan keperluan pembelajaran mereka. Dalam Zamri dan Nur Aisyah (2011), strategi pembelajaran yang diterapkan dalam perisian dapat membantu pelajar menguasai pembelajaran secara dua hala tanpa bergantung sepenuhnya kepada guru. Ini menunjukkan, dengan bantuan media, pelajar mampu belajar secara aktif, sendiri dan anjal.



1.3 Penyataan masalah

Menurut Mohd. Huzairi Awang et. al. (2019), komuniti orang kelainan upaya (OKU) yang terdiri daripada kategori penglihatan, pendengaran dan pembelajaran merupakan komuniti yang minoriti, populasinya perlu diambil berat oleh golongan ugamawan bahawa mereka ini perlu diberi perhatian sewajarnya tentang kepentingan pendidikan Islam kepada mereka.

Bilangan OKU kategori masalah pembelajaran merupakan jumlah teramai. Menurut Syukri et. al (2018) menyatakan bahawa dapatan kajian terbaru National Health Interview Survey pada tahun 2015 mendapati nisbah bagi kanak-kanak yang mengalami Autisme adalah 1:45. Autisme merupakan salah satu kategori dalam masalah pembelajaran. Jadual dibawah menunjukkan bahawa kategori masalah pembelajaran mempunyai bilangan tertinggi iaitu seramai 180,067 orang mewakili 36.1 peratus daripada populasi OKU 498,906.

Jadual 1.1

Jumlah OKU Mengikut Kategori

Kategori OKU	Jumlah
Masalah Pembelajaran	180,067
Kurang Upaya Fizikal	163,809
Kurang Upaya Pendengaran	59,161
Kurang Upaya Penglihatan	46,875
Masalah Mental	20,492
Masalah Pertuturan	3,717
Masalah Pelbagai	24,785
Jumlah	498,906

(Majlis OKU Kebangsaan, 2018)



Dari sudut bangsa, jika diperhatikan kepada angka menunjukkan bahawa kaum Melayu yang sinonim dengan beragama Islam adalah mempunyai bilangan tertinggi iaitu seramai 281,834 orang mewakili 60.65%. Ini menunjukkan bahawa persoalan pendidikan asas fardu ain amat penting untuk diambil berat terhadap muslim OKU. Hal ini dinyatakan pada jadual 1.2 di bawah.

Jadual 1.2

Jumlah OKU Mengikut Bangsa/Keturunan

Bangsa/Keturunan	Jumlah
Melayu	281,834
Cina	89,010
India	45,752
Peribumi Semenanjung	3,012
Peribumi Sabah	22,891
Peribumi Sarawak	16,715
Lain-lain	5,458
Jumlah	464,672

(Jabatan Kebajikan Masyarakat, Statistik OKU Mac 2018)

Data daripada Perangkaan Pendidikan Malaysia 2018 menunjukkan bahawa bilangan MBK di sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah seramai 76,427 orang. Jumlah MBK di peringkat Pra sekolah dan sekolah rendah adalah seramai 37,056 orang iaitu 35,802 orang di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan 1,254 orang di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK). Manakala MBK di peringkat menengah seramai 40,625 orang iaitu 39,476 orang di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan 1,149 orang di Sekolah Menengah Pendidikan Khas (SMPK). Hal ini boleh diteliti pada jadual 1.3 berikut.



Jadual 1.3

Jumlah Murid Berkeperluan Khas di PPKI dan Sekolah Pendidikan Khas KPM

Kategori OKU				
sekolah	Kurang Upaya Penglihatan	Kurang Upaya Pendengaran	Masalah Pembelajaran	Jumlah
PPKI Pra & SK	125	405	35,272	35,802
PPKI SM	220	904	38,352	39,476
SKPK	201	737	316	1,254
SMPK	145	310	686	1,141
T6 SMPK	-	8	-	8
JUMLAH	691	2,364	74,626	76,427

(Perangkaan Pendidikan Malaysia, 2018)

Komuniti OKU Bermasalah pembelajaran ini perlu diberi tumpuan tentang perkara berkaitan asas agama iaitu fardu ain. Beberapa perbezaan keupayaan fizikal diri golongan ini tidak boleh menafikan keperluan mereka untuk mendapat pengetahuan agama berasaskan maksud umum ayat perintah Allah supaya menyampaikan perkara-perkara tentang Allah SWT dengan menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran kepada sekalian manusia (Ali-'Imran (3): 110). Begitu juga perkara-perkara yang diterangkan oleh Rasulullah SAW perlu disebarkan walau satu ayat atau sekecil-kecil perkara sebagaimana hadis baginda yang bermaksud:

“Sampaikanlah tentang aku walau satu ayat” (Al-Bukhari, 1987).

Al-Dimashqi, (2010) menyatakan fardu ain sebagai segala ilmu pengetahuan yang dapat mengesakan Allah secara benar, mengetahui zat serta sifat-sifatNya, cara beribadah sebenarnya, menjelaskan perkara-perkara yang halal dan haram, halal dan haram dalam muamalah dan ilmu-ilmu untuk mengetahui persoalan hati. Oleh itu



adalah menjadi fardu ain ke atas setiap muslim termasuk murid berkeperluan khas mengetahui dan menghayati perkara-perkara asas untuk memperoleh kebenaran dalam akidah, beribadah dan bermuamalah. Ibn 'Abidin (1990) menyatakan menjadi kewajiban seseorang muslim mendalami ilmu untuk mengukuhkan agama dalam diri dan mendatangkan keikhlasan beramal kepada Allah (Jama'ah al-'Ulama', 1990). Perkara ini merangkumi asas akidah, ibadah dan akhlak (Al-Bakri, 2009). Al-Quran adalah kitab yang menerangkan Islam keseluruhannya merangkumi akidah, ibadah dan akhlak (Al-Qaradawi, 2000).

Menurut Asmawati et al. (2015), Pendidikan Islam merupakan wadah penting yang dapat membentuk dan melahirkan insan yang seimbang dan sepadu dari sudut intelek, rohani, jasmani, emosi dan sosial yang bertepatan dengan ajaran Islam. Berdasarkan konsep Education for All, anak-anak wajib diberikan pendidikan yang sempurna kerana mereka merupakan generasi yang bakal mewarisi tanggungjawab dan amanah sebagai hamba dan khalifah di muka bumi Allah SWT. Pendidikan hendaklah mengambil kira semua golongan murid agar tiada berlaku keciciran lantas ketinggalan dalam arus perdana pendidikan di Malaysia.

Menjadi kewajiban setiap individu muslim mempelajari tentang asas ketuhanan, mengenal Allah, hakikat penciptaan manusia, pengabdian diri dan matlamat kehidupan (Abd Hadi, 1985), tujuan asal mengapa dicipta dan tanggungjawab sebagai khalifah (Sidek, 2006). Menurut Mohd Huzairi et. al (2019), perkara-perkara ini perlu diterapkan dalam jiwa anak-anak berkeperluan khas sebagai persediaan kehidupan mereka ke alam dewasa dalam mengenal tuhan dan sebagai kawalan ke atas diri mereka. Mereka perlu dibina untuk dekat dengan Allah dan agama sebagai benteng kehidupan mereka.





Murid berkeperluan khas kategori pembelajaran tidak mempunyai tahap kebolehan yang sama dengan pelajar normal. Mereka menerima dan memproses input pembelajaran dengan kadar yang lebih perlahan jika dibandingkan dengan pelajar yang normal. Tambahan, maklumat yang diproses tidak kekal lama dalam ingatan pelajar ini. Selain itu, mereka mempunyai masalah dalam memberikan tumpuan sepenuhnya kepada setiap pembelajaran yang diikuti serta cepat merasa bosan dengan pembelajaran yang mereka ikuti (Rahman & Samah, 2011). Walau bagaimanapun, ketidakupayaan tersebut tidak menjadi halangan mutlak untuk mereka menjalani proses pembelajaran kerana terdapat beberapa elemen yang turut mempengaruhi kekuatan dalam proses pembelajaran. Menurut Dunn dan Dunn (1993) elemen – elemen tersebut ialah : (a) Unsur persekitaran merangkumi elemen bunyi, cahaya, suhu dan rekabentuk; (b) Unsur emosional merangkumi elemen motivasi, ketekalan, tanggungjawab, dan penstrukturan atau fleksibel; (c) Unsur sosiologi merangkumi diri sendiri, pasangan, rakan sebaya, pasukan, dewasa, atau pelbagai; (d) Unsur fisiologi merangkumi elemen kekuatan pancaindera, makan, minum, masa, dan mobility; (e) Unsur psikologi merangkumi elemen analitik atau global, impulsive atau reflektif, dan dominan otak kiri atau dominan otak kanan.

Sementara itu, Dunn dan Dunn (1978) telah menganalisis kajian lain dan membuat kesimpulan bahawa tindakan mengenal pasti pelajar menerusi corak pembelajaran mereka, boleh membantu pelajar – pelajar mencapai skor yang tinggi dalam ujian, mempunyai sikap yang lebih baik dan lebih efisien serta memudahkan para guru melaksanakan pengajaran mereka. Tambahan pula, pengetahuan tentang corak pembelajaran seseorang murid akan memberi kelebihan kepada guru untuk mengajar dan menguji murid mereka berlandaskan corak pembelajaran murid- murid tersebut.





Murid-murid masalah pembelajaran harus dibantu agar bersedia menerima pembelajaran. Sebagai guru pendidikan khas, guru perlu mengenal pasti kebolehan murid-murid supaya mereka dapat menerima pembelajaran dengan lebih berkesan. Selain itu guru perlu menyediakan murid agar bersedia menerima pembelajaran mengikut tahap keupayaan mereka, bahan bantu mengajar yang merangsang minda atau cara guru itu sendiri mewujudkan satu suasana pembelajaran yang menarik, menyeronokkan dan berkesan. Elemen-elemen ini boleh membantu kanak-kanak bermasalah ini belajar, Mohd Zuri et al. (2013). Hal ini mestilah memerlukan usaha yang gigih dan kesungguhan yang tinggi terutama dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Mohd Huzairi Awang, (2019) teknik menggunakan peta grafik sangat berkesan digunakan untuk MBK kerana anak-anak akan lebih mudah untuk memahami sesuatu arahan serta lebih menarik pemikiran dan perhatian mereka, terutamanya anak-anak autisme yang agak sukar untuk memahami sesuatu perkara. Penghasilan peta grafik yang menarik akan membantu anak-anak ini mengikut dan melaksanakan sesuatu arahan dengan lebih baik dan tersusun, khususnya bagi mengajar ibadah yang memerlukan susunan tertib perlakuan seperti mengajar mereka untuk berwuduk atau bersolat dan sebagainya.

Pengaplikasian teknologi dalam pengajaran dilihat memberi impak yang sangat positif. Menurut Abdul Rahim et al. (2005), kajian menunjukkan bahawa teknologi komputer mampu memudahkan murid-murid Pendidikan Khas, terutamanya murid-murid bermasalah tingkahlaku dan bermasalah pembelajaran, mempelajari kemahiran membaca, menulis dan mengira. Menurut Maimun et al., 2011 penggunaan multimedia dapat menjadi medium komunikasi yang positif dan efektif kerana teks, audio, video serta animasi yang pelbagai warna dan corak mampu dipaparkan di atas





sebuah skrin pada masa yang sama. Sistem pengajaran dan pembelajaran yang mengaplikasikan unsur – unsur hypermedia seperti animasi, bunyi, grafik, hypertexts, dan warna menjadikan persembahan sistem lebih menarik dan mampu menarik minat pelajar.

Menurut Ng dan Komiya (2000), multimedia interaktif terbukti berkesan dalam membentuk serta mengekalkan maklumat untuk tempoh yang panjang dan ia boleh dicapai kembali dalam masa yang lebih pantas berbanding kaedah pengajaran tradisi. Keupayaan komputer untuk menghasilkan warna, animasi, grafik, bunyi, memberi maklum balas dengan cepat serta keupayaan untuk memproses data dengan pantas dan tepat, seterusnya dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran pelajar dan memudahkan pengajaran guru (Kamarul Azmi & Ab. Halim 2010).



Antara matlamat asas pengajaran Pendidikan Islam ialah mewujudkan perkaitan antara teori dan praktis. Murid – murid bukan sahaja memperolehi pencapaian yang tinggi dalam peperiksaan tetapi tinggi juga tahap amalan dan penghayatan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004). Dalam kajian Wan Ahmad Jaafar dan Rosli (2008) ada menyatakan bahawa terdapat beberapa pihak beranggapan bahawa guru Pendidikan Islam tidak mengaplikasikan kemudahan *ICT* di sekolah dengan cara yang terbaik semasa pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah menyebabkan pengajaran dan pembelajaran menjadi lesu dan tidak menarik. Seterusnya pelajar tidak berminat untuk mengamalkan perkara – perkara yang baik dan meninggalkan amalan yang buruk sebagaimana yang dikehendaki oleh agama Islam itu sendiri. Kaedah pengajaran tradisional dan penggunaan bahan pengajaran yang terbatas, kurang menarik minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam dan kefahaman terhadap pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Pelajar boleh menjawab soalan yang berkaitan dengan teori yang dipelajari dengan





teknik menghafal tetapi kurang keyakinan dan tarikan untuk mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Hal ini turut dipersetujui oleh Norliza et.al. (2013) yang turut menyatakan minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam dan amalan guru yang bercorak tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam merupakan senario yang masih ada sehingga ke hari ini.

Kajian Khadijah dan Zaid (2002), menyatakan usaha guru –guru Pendidikan Islam di aliran perdana ke arah pembelajaran berbantuan komputer (PPBK) berada di tahap yang kurang memuaskan dan mereka sering dikaitkan dengan kaedah – kaedah tradisional seperti kaedah syarahan dan kuliah. Kajian oleh Azhar Ahmad et al. (2008), mendapati penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dan teknologi pengajaran merupakan aspek yang masih kurang digunakan oleh guru dalam pengajaran bahasa Arab di sekolah. Kajian Kamarul Azmi et al. (2011) pula mengukuhkan dapatan kajian tersebut yang menunjukkan bahawa penggunaan komputer dan LCD dalam kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) amat jarang digunakan. Menurut beliau GCPI ini mempunyai kemahiran, tetapi tidak digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran disebabkan kekangan peralatan.

Menurut Puteri Roslina dan Nur Azimah (2016), kajian tentang murid Bermasalah pembelajaran masih kurang diberikan perhatian di negara ini. Kajian Hamdi Ishak (2010), pula mendapati kajian – kajian berkaitan dengan Pendidikan Islam banyak dilakukan di Malaysia tetapi ia hanya tertumpu pada kajian masalah-masalah pengajaran Pendidikan Islam KBSR, keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam dan Laporan Penyelidikan Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. Menurut (Hamdi Ishak, 2010) lagi tidak banyak kajian berkaitan dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kepada murid pendidikan khas (bermasalah pendengaran) terutama dalam mata





pelajaran Pendidikan Islam. Syar Meeze et al. (2015) turut melihat masalah yang sama dalam pendidikan khas sehingga mengambil inisiatif membuat penyelidikan tentang reka bentuk isi kandungan kurikulum Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) untuk perkara asas Fardhu Ain (PAFA). Senario ini hampir sama dengan kajian terhadap murid pendidikan khas Bermasalah pembelajaran iaitu terdapat banyak kajian telah dibuat tentang keberkesanan multimedia interaktif kepada murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran terutamanya dalam mata pelajaran Sains, Matematik, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan lain – lain, tetapi amat kurang dalam subjek Pendidikan Islam. Jadi usaha – usaha untuk mengubah persepsi seperti ini tidak perlu dilengah – lengahkan lagi. Hal ini juga mungkin mempunyai hubung kait dengan isu guru yang mengajar subjek Pendidikan Islam di Program Pendidikan Khas Integrasi sekolah menengah adalah guru bukan opysen. Guru Pendidikan Islam (GPI) hanya ditempatkan di sekolah rendah dan sekolah Khas (Norma perjawatan GPI, 2015).



Perkara – perkara seperti yang diterangkan di atas telah menarik minat pengkaji untuk merungkaikan kemelut yang sedang dihadapi oleh guru dan pelajar dalam bidang Pendidikan Islam Pendidikan Khas. Oleh itu, pengkaji mengorak langkah mengambil inisiatif membangunkan sebuah perisian multimedia interaktif tentang perkara asas Fardhu Ain iaitu dalam skop ibadah (MiFiPK) yang mesra murid Bermasalah Pembelajaran dengan menggunakan pengarangan Hypertext Markup Language (HTML). Hasrat penyelidik untuk membangunkan perisian multimedia interaktif ini ialah untuk memudahkan pelajar bermasalah pembelajaran slow learner memahami isi pelajaran Pendidikan Islam agar mereka dapat mengaplikasikan perkara fardhu dalam kehidupan mengikut kemampuan mereka. Kaedah pembelajaran berbantuan komputer amat sesuai untuk digunakan oleh guru Pendidikan Islam, terutamanya bagi menunjukkan cara mengerjakan ibadat seperti haji, wuduk dan solat (Zaidi & Ab. Halim 2010). Dengan menggunakan teknik ini,





pelajar dapat membayangkan fenomena yang sebenar yang dipaparkan oleh komputer dengan jelas. Disamping itu, dengan kajian ini dapat mengisi lompong kajian yang sedia ada.

Selain itu, kajian ini diharap dapat menilai perisian multimedia interaktif “MiFiPK” yang dibangunkan dalam usaha mewujudkan pembelajaran berkesan. Kajian ini juga diharap dapat menyumbang kepada pembaharuan dalam proses pembelajaran murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran slow learner dalam membantu murid memahami pengajaran dan pembelajaran bab ibadah serta memupuk minat mereka terhadap subjek tersebut.

1.4 Tujuan kajian



Kajian ini bertujuan untuk membangun satu perisian pengajaran dan pembelajaran Multimedia Interaktif Perkara Asas Fardu Ain Ibadah Pendidikan Khas (MIFIPK) yang akan menggunakan alat pengarang HyperText Markup Language (HTML) sebagai peranan utama dan beberapa perisian sampingan seperti authoring dan editing pengkaji telah menggunakan Ispring Suite 9.

1.5 Objektif kajian

1.5.1 Mengenal pasti tajuk dan elemen kandungan perisian Multimedia Interaktif Perkara Asas Fardu Ain Ibadah Pendidikan Khas (MiFiPK) Bermasalah Pembelajaran yang dibangunkan.





1.5.2 Membangunkan sebuah perisian Multimedia Interaktif Perkara Asas Fardu Ain Ibadah Pendidikan Khas (MiFiPK) Bermasalah Pembelajaran.

1.5.3 Mengukur nilai kebolegunaan perisian Multimedia Interaktif Perkara Asas Fardu Ain Ibadah Pendidikan Khas (MiFiPK) Bermasalah Pembelajaran.

1.6 Persoalan kajian

1.6.1 Apakah tajuk dan elemen kandungan perisian Multimedia Interaktif Perkara Asas Fardu Ain Ibadah Pendidikan Khas (MiFiPK) Bermasalah Pembelajaran yang dibangunkan?

1.6.2 Bagaimanakah membangunkan perisian Multimedia Interaktif Perkara Asas Fardu Ain Ibadah Pendidikan Khas (MiFiPK) Bermasalah Pembelajaran?

1.6.3 Adakah perisian Multimedia Interaktif Perkara Asas Fardu Ain Ibadah Pendidikan Khas (MiFiPK) Bermasalah Pembelajaran boleh digunakan?

1.7 Kerangka konseptual kajian

Bahagian ini menjelaskan kerangka konseptual kajian yang berfokus kepada bagaimana perisian Multimedia Interaktif Perkara Asas Fardu Ain Ibadah Pendidikan Khas (MIFIPK) direka bentuk dan dibangunkan supaya membantu memenuhi keperluan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Justeru itu, satu kerangka konseptual kajian telah dirangka oleh pengkaji berdasarkan model reka bentuk ADDIE seperti di dalam rajah 1.1 yang terdiri daripada beberapa peringkat iaitu analisis (*analysis*), reka bentuk (*design*), pembangunan (*development*), pelaksanaan dan penilaian (*implementation & evaluation*). Seperti yang dinyatakan sebelum ini, analisis





keperluan yang telah dijalankan sebelum ini untuk mengenal pasti keperluan pelajar dalam perkara Fardhu Ain bab Ibadah. Hasil dapatan analisis keperluan dengan pendekatan teori pembelajaran dan pengajaran, perisian MiFiPK dibangunkan untuk memenuhi keperluan kumpulan sasaran ini.

Teori-teori pembelajaran merupakan teori yang sangat penting untuk membantu para guru dalam proses PdP. Teori-teori ini adalah sangat penting untuk mengeksploitasi minda dalam menjana kecemerlangan pendidikan. Sekiranya seseorang guru itu bijak mengolah teori-teori pembelajaran dalam bilik darjah maka mindanya akan terisi dan maklumat untuk mencapai kecemerlangan akan tercapai. Selain itu, teori-teori pembelajaran juga dapat membantu guru memahami personaliti dan konsep sendiri seorang murid, Mohd Zuri Ghani dan Aznan Che Ahmad (2013).



bentuk perisian MiFiPK iaitu yang pertama teori pembelajaran koqnitif multimedia Mayer (2009) iaitu proses pembelajaran multimedia berlaku apabila manusia membina perwakilan mental daripada perkataan (seperti percakapan atau teks bercetak) dan gambar (seperti ilustrasi, foto, animasi atau video). Proses manusia menghasilkan perwakilan mental daripada perkataan dan gambar menjadi teras kepada teori kognitif pembelajaran multimedia. Dengan erti kata lain teknologi multimedia dapat merangsang verbal dan visual murid supaya pengetahuan diperoleh dapat dikekalkan dalam memori jangka panjang (Mayer, 2009).

Teori yang kedua ialah teori konstruktivisme. Teori ini mengenengahkan bahawa pengetahuan individu dibentuk melalui interaksi sosial (Vygosky, 1978). Beliau juga menyatakan melalui interaksi sosial pemikiran individu akan bertambah bersama dengan pengetahuan sedia ada dan membentuk pengetahuan baru. Teori






konstruktivisme juga melibatkan proses minda yang aktif supaya individu dapat membina pengetahuan apabila pemikiran mereka diuji. Maka, pelajar dapat membina pengetahuan dan kemahiran melalui aktiviti yang disediakan dengan pengendalian sendiri perisian oleh pelajar serta dapat mengembangkan semula maklumat yang telah diperoleh dengan menggunakan pemikiran yang aktif serta pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Selain kedua – dua teori di atas pengkaji juga akan menggunakan model pengajaran visual, audio dan kinestetik (VAK).

Model rekabentuk merupakan proses sistematik dalam pembangunan sumber teknologi yang merangkumi analisis pembelajaran dan pencapaian, rekabentuk aplikasi, pembangunan, implementasi, penilaian (Reiser & Dempsey, 2007). Pemilihan rekabentuk instruksi bersistem adalah sangat penting untuk rekabentuk menjadi satu kerangka kerja yang dapat membantu pembangun atau pereka bentuk dalam mereka bentuk dan membangunkan perisian multimedia secara lebih sistematik (Ahmad Fakrudin et al., 2014) dan (Jamaluddin & Zaidatun, 2003). Justeru itu, pengkaji telah memilih model rekabentuk ADDIE sebagai panduan bagi memastikan proses pembangunan akan berjalan secara teratur dan terarah.





Rajah 1.1 Kerangka konseptual kajian. Sumber: Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff (2014), di adaptasi oleh pengkaji mengikut kesesuaian kajian.



1.8 Kepentingan kajian

Diharapkan hasil dapatan kajian ini dapat memberi manfaat kepada beberapa pihak.

Antaranya ialah:

1.8.1 Guru

i) Penyelidik dapat memperoleh maklum balas daripada guru mengajar Pendidikan Islam Pendidikan Khas (GMPIPK) mengenai status keperluan atau kepentingan penggunaan MiFiPK dalam meningkatkan prestasi atau pencapaian murid PPKI Bermasalah Pembelajaran.

ii) Penyelidikan ini juga dilihat penting kerana boleh membantu GMPIPK terutama di sekolah menengah yang rata-rata kekurangan guru Opsyen Pendidikan Islam, malah tidak ditempatkan GPI. Sehubungan itu MiFiPK merupakan salah satu sumbangan penyelidik kepada GMPIPK untuk mempelbagaikan reka bentuk PdP.

iii) Selain GMPIPK, penyelidik juga merasakan penyelidikan ini juga dapat memberi manfaat kepada GPI Sekolah Rendah Kebangsaan dalam mempelbagaikan reka bentuk PdP mereka yang sedia ada kerana kontennya bersesuaian dengan murid – murid di sekolah rendah terutama tahap 1.

iv) Adalah diharapkan dapatan penyelidikan ini juga nanti dapat membuka mata para guru untuk mempraktikkan satu lagi reka bentuk pengajaran dan pembelajaran berpusatkan murid yang boleh diguna pakai dalam proses PdP.





1.8.2 Murid

i) MiFiPK memudahkan murid mengaplikasikan pengetahuan dan pemahaman dengan ibadah sebenar dengan membuat ulangkaji dan latih tubi secara bersendirian.

ii) MiFiPK juga diharap dapat meningkatkan minat atau memotivasikan murid belajar dan seterusnya dapat meningkatkan kualiti pencapaian mereka sebagai hamba Allah dengan melaksanakan ibadah yang ditetapkan, selain dapat memanfaatkan teknologi yang kian hari kian berkembang.

1.8.3 Penyelidik-penyelidik yang berminat



lain yang ingin membuat kajian lanjutan mengenai reka bentuk PdP berbantuan media interaktif kepada murid pendidikan khas. Hal ini boleh menjadi bukti bahawa pendidikan khas tidak ketinggalan malah seiring dengan pendidikan aliran perdana.

1.8.4 Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)

i) Hasil kajian boleh menjadi rujukan kepada KPM bagi melonjakkan kualiti dalam menggubal dasar untuk membina modul pembelajaran, reka bentuk PdP dan pedagogi yang lebih mudah difahami oleh murid-murid PPKI.





1.9 Batasan kajian

Skop kajian ini mempunyai batasan–batasan tertentu. Kajian ini berfokus kepada pembangunan dan penilaian daripada enam orang pakar mengikut kepakaran bidang masing–masing antara mereka ialah pakar bidang ICT, pakar bidang Pendidikan Islam dan pakar bidang Pendidikan Khas terhadap perisian multimedia yang dibangunkan.

Berpandukan Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran Sekolah Rendah & Menengah, Bidang Kerohanian dan Nilai – Nilai Murni (2004), tajuk yang dipilih terhadap kajian ini ialah tajuk ibadah. Tajuk ibadah mempunyai skop yang luas iaitu terbahagi kepada 3 bahagian utama iaitu (1) Bersuci (2) Solat dan (3) Puasa. Pengkaji hanya memilih satu tajuk utama dalam ibadah sahaja berpandukan pada pilihan responden melalui soal selidik yang dikemukakan kepada



1.10 Definisi operasional

Defenisi operasional bermaksud penjelasan yang terperinci berhubung dengan skop dan ruang lingkup kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Istilah- istilah ini diperinci supaya konsep dan pendekatan kajian diperkenalkan dan tidak terlalu luas (Azman Fadzil, 2013).





1.10.1 Pembangunan

Pembangunan merupakan suatu proses membangun sebuah perisian multimedia untuk dijadikan bahan bantu mengajar. Semasa proses membangunkan sesebuah perisian akan melibatkan dua aktiviti utama iaitu pembinaan isi kandungan dan aktiviti mengarang atau mengaturlcara perisian. Fariza Yaakob, (2018) mendefinisikan pembangunan perisian sebagai proses merekabentuk sebuah perisian untuk digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

1.10.2 Perisian

William dan Louis (1993) mendefinisikan peisian sebagai jujukan suruhan yang terperinci. Ia direkabentuk untuk mengarah komputer melaksanakan fungsi – fungsi tertentu untuk membolehkan komputer menginput, menyimpan, membuat keputusan, mengolah secara aritmetik dan output data dalam jujukan yang betul. Capron (1996) pula menyatakan perisian sebagai satu arahan atau atur cara yang dirancang langkah demi langkah untuk menukarkan data dan maklumat yang menyebabkan komputer berfungsi. Dalam konteks kajian ini perisian ialah satu aturcara komputer yang disertai oleh dokumentasi yang menjalankan rutin dan prosedur tertentu.

1.10.3 Multimedia Interaktif

Multimedia interaktif adalah media yang menggabungkan teks, grafik, video, animasi dan suara. Untuk menyampaikan suatu pesan dan informasi, melalui media elektronik seperti komputer dan perangkat elektronik lainnya (Bash, 2015). Pengertian





Multimedia Interaktif menurut beberapa ahli dijelaskan sebagai berikut : a) Multimedia Interaktif adalah alat yang dapat menciptakan persentasi yang dinamis dan interaktif, yang mengkombinasikan teks, grafik, animasi, audio dan gambar video. b) Multimedia Interaktif adalah pemanfaatan komputer untuk membuat dan menggabungkan teks, grafik, audio, gambar bergerak (video dan animasi) dengan menggabungkan link dan tool yang memungkinkan pemakai melakukan navigasi, berinteraksi, berkreasi dan berkomunikasi.

Menurut sistem multimedia menggunakan telinga dan mata dalam memproses maklumat yang diterima. Oleh itu, penggabungan aplikasi budaya berfikir dan budayateknologikhususnya dalam perkembangan bidang multimedia mampu mewujudkan senario belajar lebih menarik dan berkesan (Fazzlijan Mohamed Adnan Khan, 2014)



Dalam kajian ini penyelidik telah membangunkan sebuah perisian multimedia interaktif untuk matapelajaran pendidikan Islam sebagai bahan pengajaran kepada murid Pendidikan Khas Bermasalah pembelajaran .

1.10.4 Fardhu Ain

Penghayatan Fardhu Ain nmerupakan sebahagian daripada penghayatan kehidupan beragama Islam secara keseluruhannya. Beragama menunjuk kepada golongan yang berpegang kepada kebenaran dan peraturan dalam setiap tindakan dan menghayati Fardhu Ain akan memberi kesan kepada pengabdian diri kepada Allah S.W.T (Mohd. Huzairi, 2017)





Fardhu Ain atau wajib aini adalah hukumnya wajib dimana setiap mukallaf dituntut atau dimestikan untuk melakukan suatu tuntutan itu secara individu dan dihukumkan berdosa jika seseorang itu meninggalkannya dengan sengaja. Dosa yang timbul hanya ditanggung oleh perseorangan dan bukanlah merebak ke semua orang. Perkara yang wajib diketahui sebagai seseorang yang mengaku dirinya sebagai seorang Islam. Mempelajari fardhu ain adalah merupakan satu kewajiban ke atas semua orang sama ada lelaki mahupun perempuan yang beragama Islam. Masa mempelajarinya pula ialah dari buaian hingga ke liang lahad. Apabila telah memiliki ilmu fardhu ain perlulah diamalkan kerana merupakan suatu amalan syariat (Ismail Kamus et al., 2009)

1.10.5 Ibadah



Maksud ibadah dari segi bahasa ialah dari kata dasar 'abada yang membawa maksud merendah diri, patuh dan taat (al-Maududi, 1984). Kerendahan diri ini adalah secara umum dan tidak difokuskan kepada sesiapaupun. Dari segi Istilah pula ialah khushyuk kepada Allah, rendah diri dan tetap hati kepadanya. Menurut Syeikh Ibn Taymiyyah dalam kitabnya Ubudiyyah menyatakan badah bermakna kehinaan dan kecintaan kepada Allah (al-Qardhawi, 1978). Keadaan ini membawa maksud seseorang hamba itu merasakan kehinaan dirinya di sisi Allah Yang Maha Perkasa dan merakamkan rasa kecintaan yang tidak berbelah bagi kepadaNya dengan melakukan segala perintah Allah Subhanahu Wa Taa'la dan meninggalkan segala larangannya.

Perkara fardhu ain yang dibincangkan dalam kajian ini adalah berkaitan tentang ibadah dalam bab toharah atau bersuci dan tajuknya adalah terhad iaitu pengertian bersuci, najis, intinjak dan mandi wajib.





1.10.6 Program Pendidikan Khas Intergrasi (PPKI)

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia menyediakan perkhidmatan pendidikan kepada murid berkeperluan khas yang mempunyai masalah penglihatan, pendengaran, dan bermasalah pembelajaran. Berdasarkan Akta pendidikan 1996, Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas 2013) Bahagian 3, 'PPKI' ialah suatu program pendidikan bagi murid berkeperluan pendidikan khas yang hanya dihadiri oleh murid berkeperluan khas di kelas khas di sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan. Program ini diwujudkan di sekolah harian biasa rendah dan menengah, sekolah menengah teknik dan vokasional dengan menggunakan pendekatan pembelajaran dan pengajaran secara pengasingan dan separa inklusif (Bahagian Pendidikan Khas, 2014). Oleh itu PPKI merupakan satu program atau kelas di sekolah arus perdana yang bertanggungjawab menguruskan pendidikan murid berkeperluan khas (MBK) Bermasalah pembelajaran (Siti Nor Idayu Mohd Nassir, 2016)

Murid-murid PPKI merupakan murid-murid yang telah dikenal pasti dan disahkan oleh pakar professional klinikal sebagai individu yang mempunyai permasalahan yang mengganggu proses pembelajaran. Pemasalahan yang dialami boleh dikategorikan mengikut tahap kefungsiian murid-murid dalam kebolehan fizikal, intelek, emosi dan sosial. Murid-murid ini juga mempunyai keistimewaan yang berbeza dari segi bakat kebolehan dan kemampuan, (Rajesvari Ramasamy, 2017).





1.10.7 Bermasalah pembelajaran

Kementerian Pendidikan Malaysia (2010) mendefinisikan murid dengan keperluan khas bermasalah pembelajaran adalah merupakan golongan kanak-kanak yang telah dikenal pasti dan disahkan oleh pakar professional klinikal sebagai mengalami kecacatan yang boleh mengganggu proses pembelajaran. Menurut Mohd Zuri Ghani & Aznan Che Ahmad (2011), Murid Bermasalah pembelajaran mempunyai tahap fungsi yang terhad dan sedang berkembang ataupun berkembang dengan pada tahap fungsi yang lambat berbanding dengan murid lain.

Lata dan Goankar (2008) menggunakan istilah slow learner kepada murid Bermasalah pembelajaran dalam kajian mempertingkatkan pembelajaran Sains. Istilah 'Bermasalah pembelajaran' mula digunakan bagi menggantikan istilah 'cacat akal' pada tahun 1980-an. Penggunaan istilah masalah pembelajaran diperkenalkan melalui laporan Warnock bagi merujuk murid-murid keperluan khas. Penggunaan lebih menjurus ke arah yang lebih positif dan mengurangkan keaiban (Mohd Razimi Husin, 2016). Murid kategori bermasalah pembelajaran adalah terdiri daripada pelajar kategori sindrom down, autisme, attention deficite hyperaktif disorder (ADHD), terencat akal minimum dan bermasalah pembelajaran spesifik (slow learner), (Maklumat Pendidikan Khas, 2006).

Kumpulan sasaran pengkaji dalam kajian ini adalah berfokus kepada murid Bermasalah pembelajaran kategori slow learner yang belajar di sekolah menengah integrasi pendidikan khas dalam lingkungan umur 13 hingga 19 tahun.





Rumusan

MBK tidak terkecuali dalam mendapat hak pendidikan di Malaysia serta mendapat peluang untuk mempelajari Pendidikan Islam yang merupakan teras pembentukan individu Muslim. Melalui Pendidikan Islam, MBK berpeluang untuk meningkatkan ilmu, memperkembangkan kemahiran sosial, memperolehi kelayakan akademik dan berpeluang untuk menjana minda mereka. Kesemua pengalaman ini adalah penting dalam usaha memperkasakan mereka sebagai modal insan yang berguna. Pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi oleh MBK untuk mempelajari Pendidikan Islam walaupun telah diberi kemudahan pendidikan seara formal melalui program Pendidikan Khas. Justeru, pemeraksanaan pengurusan Pendidikan Islam terhadap MBK perlu diberi perhatian kerana mampu meningkatkan pembangunan spiritual ataupun kerohanian MBK walaupun perkembangan sudut fizikal mereka adalah terhad disebabkan kepelbagaian kekurangan ketidakupayaan yang mereka alami. Oleh yang demikian, strategi bagi memperkasakan Pendidikan Islam bagi MBK perlu dirancang dan disusun sebaiknya oleh setiap pihak yang terlibat supaya matlamat Pendidikan Islam terhadap MBK tercapai. Antara kepentingan kajian ini ialah membantu murid masalah pembelajaran untuk memahami dan mengamalkan ibadah yang betul. Kajian ini juga penting kepada guru untuk melatih, merangka dan membina struktur PdP yang lebih sistematik dan tersusun. Kejayaan sesuatu pengajaran adalah bergantung kepada perancangan yang sistematik. Perancangan yang sistematik merupakan titik tolak sesuatu kejayaan. Perubahan dalam tingkahlaku murid dari segi sikap, kemahiran psikomotor dan pengetahuan menunjukkan berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran. Amatlah diharapkan agar dengan menghasilkan MiFiPK ini dapat membantu semua orang yang mengajar fardhu ain kepada golongan ini.

